Solat Witir

Tuntutan Solat Witir

Solat Witir adalah salah satu solat sunat yang sangat dituntut untuk dikerjakan. Ia merupakan salah satu dari dari tiga solat sunat (witir-dhuha-sunat sebelum subuh) yang tidak pernah ditinggalakan Rasulullah. Solat witir ialah solat yang ganjil bilangan rakaatnya sama ada satu, tiga, lima, tujuh, sembilan dan 11 rakaat. Ia dinamakan dengan witir kerana ditamatkan dengan satu rakaat dan berbeza dengan solat yang lain. Rasulullah SAW, bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah itu witir (ganjil), dan Allah menyukai witir, maka lazimkanlah solat witir, wahai ahli Al-Quran." HR Abud Dawud dan Tirmizi.*

Fadilat Witir

1. *Solat sunat witir dikurniakan kepada kita oleh Allah, dan ia satu solat yang lebih baik daripada unta merah. (Riwayat Abu Daud, Ibn Majah dan al-Tirmizi).*

2. *"Sesiapa yang mengerjakan sembahyang dhuha, berpuasa tiga hari daripada sebulan dan tidak pernah meninggalkan sembahyang witir sama ada dalam pelayaran dan bermuqim, dicatat baginya pahala orang syahid." (Hadis riwayat at-Thabrani)*

3. *"Sesungguhnya Allah ‘Azza Wajalla telah menambahkan bagi kamu satu sembahyang, iaitu lebih baik untuk kamu daripada humrin ni‘am (semulia-mulia harta di sisi orang-orang Arab), itulah sembahyang witir. Allah jadikannya (sembahyang witir) untuk kamu di antara Isya’ hingga terbit fajar. (Hadis riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Tirmidzi)*

Kaifiyat Solat Witir

Solat Witir adalah merupakan solat penutup setelah seseorang bangun malam dan melakukan qiamulail. Ibnu Umar r.a. berkata: Bersabda Nabi saw, *“Jadikan penghabisan (akhir) shalatmu pada waktu malam dengan shalat witir.” (Bukhari - Muslim)*

Solat malam disini maksudnya Isya’. Ada 2 jenis solat witir nabi iaitu sejurus selepas Isya’ dan tengah malam lepas tahajjud. Disunatkan pula untuk tidak melengah-lengahkan malah disegerakan solat witir itu pada permulaan malam bagi sesaorang yang takutkan kalau-kalau ia tidak dapat bangun pada akhir malam, Tetapi bagi seseoarang yang merasa sanggup dan dapat bangun pada akhir malam , maka mengtaakhirnya itulah yang lebih afdhal. Keterangan hujah diatas adalah terkandung didalam sebuah hadis riwayat Ahmad, Muslim, Tarmizi dan Ibu Majah.

Sabda Nabi s.a.w.: “*Sesiapa yang bimbang tidak bangun pada akhir malam, maka berwitirlah pada awal malam, dan sesiapa yang ingin bangun pada akhir malam, maka berwitirlah pada akhir malam. (Muslim).*

“Dari Abi Hurairah radiallahu ‘anhu, dari Nabi sallallahu ‘alaihi wa-sallam baginda bersabda: *Janganlah kamu witir dengan tiga rakaat (jangan menyerupai Magrib),berwitirlah dengan lima rakaat atau tujuh rakaan. Dan janganlah (witir kamu) menyerupai solat Magrib”. (H/R Sahih riwayat Daruqutni.* Maksud menyerupai solat Maghrib ialah dengan membaca tasyahhud (tahiyyat) awal. Agar tidak menyerupai solat Maghrib, maka lakukanlah solat witir tiga rakaat dengan tidak bertasyahhud awal.

Beza witir dan maghrib ialah:-
Witir 3 rakaat baca surah, maghrib 2 sahaja
Witir 3 rakaat baca nyaring, maghrib 2 sahaja
Witir boleh jemaah bulan Ramadhan sahaja

Tiada Dua Witir Pada Satu Malam
Bagi sesiapa yang telah mengerjakan witir penamat seumpama witir pada penutup solat tarawikh, kemudian terasa hendak mengerjakan solat sunat sunat yang lain, maka baginya bolehlah mendirikan semua solat-solat sunat yang hendak dikehendakinya, tetapi tidak pula mengulangi solat witir untuk kali keduanya pada malam yang sama. Hal ini merujuk kepada hadis riwayat Abu Daud, Nasa’i dan Tarmizi yang bermaksud:

Saya mendengar Rasullullah SAW bersabda *“ Tiada dua kali witir pada satu malam.”*

Oleh itu, apabila seseorang telah mendirikan solat witir selepas solat Isyak, ataupun witir penamat pada solat Tarawikh, maka apabila kita bangun malam untuk mendirikan sebarang solat-solat sunat, witir yang dilakukan tadi tidak menjadi penghalang untuk kita melakukan solat sunat yang lain, Maknanya kita boleh mendirikan solat sunat seberapa banyak pada malam yang sama. Tetapi jangan mengulangi lagi atau mendirikan solat witir sekali lagi, kerana solat witir telah kita kerjakan pada penutup solat terawikh tadi. Kerana tiada dua (2) witir dikerjakan pada satu malam yang sama.

Kekeliruan Solat Witir
Terdapat pendapat yang mengelirukan dimana mengatakan bahawa sesudah solat witir itu, maka tidak boleh dilakukan lagi apa-apa sembahyang sunat. Atau bilamana hendak dilakukan juga solat sunat yang lain perlulah DIBUKA kembali dengan mengerjakan solat mutlak dan selepas mengerjakan solat sunat maka hendaklah DITUTUP kembali dengan sunat witir.

Pendapat ini adalah laro’ samasekali dan tidak mempunyai bukti dari hadis yang sohih. Pendapat ini adalah sekadar pendapat yang tidak terdapat mana mana kitab yang muktabar. Kesilapan besar ialah menganggap bahawa witir itu adalah penutup segala-galanya. Dan lebih mengelirukan lagi, jika dibuat juga sebarang solat solat sunat maka solat yang dikerjakan itu adalah sia sia dan tidak berpahala langsung dari Allah SWT.

Bacaan dalam witir
“Dari Ubay bin Ka’ab, sesungguhnya Nabi sallallahu ‘alaihi wa-sallam membaca dalam

solat witir (dirakaat pertama): Sabbihisma Rabbikal A'la. Dirakaat kedua: Qul Ya ayyuhul Kafirun. Dirakaat yang ketiga: Qul Huwallahu Ahad". (H/R Nasaii, Abu Daud, Ahmad dan Ibn Majah)

Jumlah solat witir itu ialah 11 rakaat, dan sekurang-kurangnya satu rakaat sahaja.

Niat Solat Sunat Witir Dua Rakaat

"Aku solat sunnat witir dua rakaat kerana Allah Taala"

Niat Solat Sunat Witir Satu Rakaat

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوِتْرِ رَكْعَةً لِلَّهِ تَعَالَى

"Aku solat sunnat witir satu rakaat kerana Allah Taala"

Zikir Selepas Solat Witir :

Dibaca tiga kali sebelum membaca doa :

Doa Solat Witir

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan keredhaanMu daripada kemurkaanMu, dan aku berlindung dengan kemaafanMu daripada balasanMu, dan aku berlindung denganMu seperti pujiMu sendiri ke atas diriMu. Maka segala pujian dan sanjungan sehingga Engkau redhai."